

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OGOS 2023

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

### Negara perlu suntikan tambahan lonjak KDNK

# Negara perlu suntikan tambahan lonjak KDNK

Oleh OMAR ZIN  
omarzin@mediamulia.com.my


**PETALING JAYA:** Ekonomi negara memerlukan suntikan tambahan jika mahu unjuran empat hingga lima peratus dicapai tahun ini susulan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang mencatatkan pertumbuhan sederhana 2.9 peratus bagi suku kedua.

Ini setelah Bank Negara Malaysia (BNM) menjangkakan ekonomi dijunurkan berkembang hampir kepada julat KDNK yang lebih rendah, namun pertumbuhan akan terus didorong oleh permintaan dalam negeri berikutan peningkatan guna tenaga dan pendapatan, pelaksanaan projek serta peningkatan jumlah pelancong.

Gabenor BNM, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour mengakui terdapat risiko pertumbuhan ekonomi menjadi semakin perlahan berpuncu terutama daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan.

Bagaimanapun, katanya, terdapat kemungkinan pertumbuhan ekonomi menjadi lebih tinggi jika faktor seperti aktiviti pelancongan menjadi lebih kukuh daripada jangkaan serta projek kerajaan dilaksanakan lebih pantas.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Pembangunan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff menyifatkan, peratusan suku kedua lebih rendah daripada suku pertama bukanlah sesuatu yang membimbang-



**KERAJAAN** perlu memberi suntikan tambahan jika mahu unjuran empat hingga lima peratus KDNK dicapai pada tahun ini.

kan kerana faktor permintaan luaran yang perlahan memberi kesan kepada semua negara secara global.

Justeru, beliau menjangkakan pertumbuhan ekonomi negara tidak banyak berubah pada suku ketiga namun ia masih boleh ditingkatkan melalui suntikan tertentu seperti perbelanjaan kerajaan, pelaburan dan eksport.

"Peratusan yang dicatatkan pada suku tahun kedua ini akan kekal pada suku ketiga, atau kemungkinan naik sedikit tetapi

tidak akan mencapai peratusan setinggi suku pertama.

"Namun, anggaran pertumbuhan antara 4 dan 5 peratus untuk tahun 2023 masih lagi boleh dicapai," katanya ketika dihubungi.

Ketua Ekonomi dan Ke-wangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Berhad, Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid juga menyifatkan, ekonomi negara cukup terkesan dengan kedudukan ekonomi global.

Katanya, pengguna akan lebih

berhati-hati untuk menggunakan kuasa beli dan ia akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara jika tiada perubahan dilakukan oleh kerajaan.

Semalam, ekonomi dilaporkan berkembang sederhana pada suku kedua 2023 kepada 2.9 peratus berbanding 5.6 peratus pada suku kedua 2023 disebabkan permintaan luaran lebih perlahan, eksport barang perlahan, pengeluaran sektor pertanian dan perlombongan terjejas.